

DEWAN BAHASA

ديوان بهاس

MEMPERKAYA WAWASAN PEMBACA

Bahasa Melayu

Perantara Motivasi

Daisy Raman

Bahasa dan
Literasi Sosial
*Antara Kognitif
dengan Budaya*

*Genosid
Linguistik*

Jilid 24 | Semanjung Malaysia RM11.00 | Sabah/Sarawak RM11.50 | Brunei Darussalam BS11.50 | Singapura S\$11.50



Bahasa DBP
#Malaysia

BIL. 04/2024
KK 499-91324-0424
ISSN 1511-9092
04
9 771511 909069





3
BICARA BAHASA
Titah YDPA Dijunjung, Bahasa
Kebangsaan Disanjung
Yusaida Yusof

4
AGENDA BAHASA
Bahasa dan Literasi Sosial:
Antara Kognisi dengan Budaya
Mohamad Rozi Kasim

9
PUISI
Rajuk Seorang Bahasawan
Haniff Yusoff

10
BAHASA DAN PENTERJEMAHAN
Kemandirian Penterjemah Bebas
Wan Halizawati Wan Mahmood

14
PUISI TRADISIONAL
Gurindam Bahasa
Seindah Seni
Ruzaini Awang



15
CUIT-CUIT BAHASA
Pak Kojek

16
WACANA JAWI
Kosa Kata Syawal
Munsiy Jawi

19
PEPATAH BAHASA
Norsuhaila Ibrahim

20
ULASAN BUKU
Bahasa Penan Selungo Warisan
Bahasa Peribumi Malaysia
Muhd. Rifqie Ros

22
BAHASA DAN FALSAFAH
Dalam Keragaman, Bertaut Kesatuan
Mohd Tarmizi Hasrah

26
CAKNA BAHASA
Bahasa dan Naratif Bola Sepak
Alias Ismail

30
WAWANSABDA BAHASA
Bahasa Melayu Perantara Motivasi
- Daisy Raman
Rosli Mohd Nordin

36
CERPEN
Konflik yang Mengasyikkan
Wan Muhammad Baihaqi Wan Hamat

40
BAHASA DAN SASTERA
Lagu Hari Raya dan Cipta Ekspres
Siti Zaleha M. Hashim

44
ANTARABANGSA
Genosid Linguistik
Zulkifli Salleh



Konsep, Penata Gaya dan Pengarah Seni
@roslimn
Jurufoto, Juruvideo dan Editor Visual
@azrul_azizi_aziz
Lokasi
Rimbun Gasing

48
DARIHAL BAHASA
Bahasa dalam Idiomatik Zaman
Hypermodernism
Mana Sikana

52
BAHASA DAN MASA
Interpretasi Masa
Kun Jia Jie


56
ULASAN BUKU
Pendekatan Terjemahan
Teks Naratif
Aidil Azam

59
E-MEL BAHASA
Bahasa Kebangsaan Masih
Dipinggirkan dan Terpinggir
Amirah Syazwani Baderol Sham

60
DARIHAL BAHASA
Penggunaan Bahasa Emotif dalam
Akhbar Digital
Aminuddin Saimon
Haziq Hazwan Zainuddin

64
ISTILAH SEMASA

PENGGUNAAN BAHASA EMOTIF DALAM AKHBAR DIGITAL



Peredaran zaman memperlihatkan banyak teknologi berkembang dan berinovasi. Menurut Cheshmedzhieva-Stoycheva, D. (2019) melalui *Framing Muslims in the Bulgarian and the British Media Discourse*, kemunculan internet beberapa tahun yang lalu membawa kebangkitan bentuk baharu dalam komunikasi dan ekspresi peribadi. Media internet yang digunakan pada hari ini bukan sahaja digunakan bagi mendapatkan maklumat, bahkan untuk mempelajari bahasa baharu.

Kandungan media turut digunakan secara meluas dalam menyampaikan maklumat untuk beberapa tujuan termasuklah dalam komunikasi harian, propaganda politik, perhubungan awam dan isu semasa. Tambah Alemi dan Tajeddin (2020) dalam *Reflection and Good Language Teachers*, media menjadi platform yang dipercayai dan digunakan untuk mempengaruhi kelompok pembaca dalam skala yang besar. Oleh itu, penggunaan bahasa emotif sangat penting dalam penulisan di media sosial atau internet kerana dapat mempengaruhi pembaca untuk membuat keputusan.

Sementara itu, Hamdi Khalis Kadri et al. (2020) menerusi *Emotive Language in Online News: The Case of Awani News Channel* menyatakan bahawa bahasa emotif sering digunakan oleh wartawan untuk memberikan kesan yang ketara kepada pembaca dari aspek emosi. Penggunaan bahasa ini penting dalam media sebagai alat untuk menarik perhatian pembaca. Secara mudahnya, bahasa emotif bertujuan menjentik emosi pembaca untuk memastikan pembaca berada dalam situasi yang digambarkan oleh penulis.

Selain itu, emosi seseorang boleh diterjemahkan dalam bentuk ujaran dan tulisan sama ada yang membawa unsur

negatif atau positif. Tambahan pula, melalui emosi juga seseorang itu boleh mentafsirkan keadaan atau situasi penutur. Hal ini kerana perkataan yang diujar itu mampu memaparkan emosi yang berbeza, bergantung pada gaya penyampaian, nada mahupun raut wajah.

Oleh itu, artikel ini memberikan tumpuan pada sebuah akhbar digital di Malaysia, iaitu *Sinar Harian*. Media digital menjadi platform bentuk baharu dalam menentang komunikasi dan ekspresif yang terus menjadi penyelidikan komunikasi secara dalam talian (Olechowska – *Divisions of Polish Media and Journalists as an Example of Polarization and Politicization*). Kebebasan yang ditawarkan kepada pengguna dalam menyampaikan ekspresi secara dalam talian meningkatkan lagi cara pembaca berfikir terhadap bahasa dan tulisan.

Selain itu, menurut Hamdi Khalis Kadri lagi, akhbar secara dalam talian sering menggunakan bahasa emotif dalam tajuk berita terutamanya yang berkaitan dengan topik kontroversi dan kritis. Hal ini secara tidak langsung dapat menarik minat dan mempengaruhi emosi pembaca melalui bahasa yang disampaikan. Sehubungan dengan itu, kajian ini secara tidak langsung menghurai penggunaan bahasa emotif penutur terhadap tingkah laku pembaca akhbar digital.

Kata Emotif dalam Berita Pilihan Raya Umum Ke-15

Beberapa kata emotif dikenal pasti dan disenaraikan melalui akhbar digital *Sinar Harian* sepanjang Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15). Melalui senarai tersebut, penulis banyak menggunakan kata emotif dalam penulisan yang berkaitan dengan isu politik, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan PRU15. Bahasa emotif yang membawa unsur positif atau negatif turut dikenal pasti.

Yang berikut merupakan bahasa emotif yang digunakan dalam akhbar digital *Sinar Harian* sepanjang PRU15.

Jadual 1 Kata Emotif Positif dalam Akhbar *Sinar Harian*.

Data	Ayat/Frasa	Kata Emotif
D1	Ketua Pemuda PAS Sik, Mohd. Shahiful Mhd. Nasir memohon maaf dan menarik balik kenyataan yang berkaitan dengan isu "Undi BN dan PH masuk neraka"	Memohon maaf
D2	Datuk Mohd. Kazim Elias meminta maaf kepada pengundi di kerusi Parlimen Larut kerana membatalkan hasratnya bertanding pada PRU15.	Meminta maaf
D3	"Ketika ini, saya tak rasa nak mengalah walaupun sebagai calon bebas, saya tengah seronok berkempen bertemu masyarakat"	Seronok

Berdasarkan Jadual 1, kata emotif memohon maaf yang terdapat dalam D1, iaitu Mohd. Shahiful memohon maaf dan menarik balik kenyataan yang dilakukannya. Begitu juga dengan emotif maaf dalam D2 yang dapat dilihat melalui ayat Datuk Kazim meminta maaf kepada pengundi di Parlimen Larut. Emotif maaf dalam D1 dan D2 dinyatakan secara eksplisit dan jelas kepada pembaca. Perkara ini secara tidak langsung memperlihatkan emotif positif yang digambarkan oleh penutur kepada pembaca terhadap kesalahan yang dilakukan.

Bagi D3 pula, penutur mengekspresikan perasaan gembira dengan penggunaan emotif seronok bagi menggambarkan keseronokan berkempen dan bertemu dengan masyarakat.

Jadual 2 Emotif Negatif dalam Akhbar *Sinar Harian*.

Data	Ayat/Frasa	Kata Emotif
D4	Setelah hampir seminggu PRU15, suasana hambar dan sendu terasa di beberapa kawasan tertentu.	Hambar dan sendu
D5	Datuk Wan Saiful Wan Jan kesal dengan tindakan pihak lawan yang menggantung beberapa kain rentang serta menyebarkan risalah provokasi pada PRU15.	Kesal

Jadual 2 menunjukkan penggunaan kata emotif negatif yang terdapat dalam akhbar *Sinar Harian* yang melibatkan berita PRU15. D4 memaparkan suasana PRU15 yang tidak meriah dan tidak mendapat sambutan melalui emotif hambar dan sendu. Melalui emotif kesal pada D5 memperlihatkan bahawa Datuk Wan Saiful memaparkan kesan negatif terhadap individu yang menyebarkan provokasi.

Jadual 3 Jumlah Kekerapan Kata Emotif Positif dalam Akhbar *Sinar Harian* Sepanjang PRU15.

Emotif	Jenis	Kekerapan
Positif	Bimbang	3
	Pujian	2
	Terima kasih	2
	Syukur	3
	Maaf	3
	Ucapan selamat	2
	Kegembiraan	15
	Keberanian	3
	Kehormatan	2
	Sokongan	4
	Sayang	1
	Keyakinan	1
	Kejujuran	2
	Keazaman	1
	Keredaan	1
Jumlah	45	

Berdasarkan Jadual 3, pengkaji mengelaskan kata emotif positif tersebut kepada beberapa lakuan utama berdasarkan data yang telah dikumpulkan. Statistik menunjukkan akhbar *Sinar Harian* dominan menggunakan lakuan kegembiraan dengan 15 kekerapan, diikuti oleh lakuan sokongan sebanyak empat kekerapan.

Seterusnya lakuan bimbang, syukur, maaf dan keberanian masing-masing mencatatkan kekerapan sebanyak tiga kali dalam penulisan yang berkaitan dengan PRU15. Lakuan pujian, terima kasih, ucapan selamat, kehormatan dan kejujuran pula masing-masing sebanyak dua kekerapan. Bagi lakuan sayang, keazaman, keyakinan dan keredaan pula mencatatkan kekerapan yang paling rendah, iaitu masing-masing sebanyak satu kekerapan.

Emotif Positif

Bahasa emotif positif digambarkan dengan kata-kata atau frasa yang dapat memberikan kesan positif kepada pendengar atau pembaca dan membuatkan mereka ingin memihak kepada sesebuah idea. Istilah emotif positif ini mempunyai konotasi positif dan mempunyai gambaran mental dan nada yang positif. Emotif positif ini seterusnya akan menzahirkan emosi gembira, seronok, teruja, meriah dan sebagainya seperti menurut Martin, J. R. dan White, P. R. R. (2005) dalam *The Language of Evaluation*.

Emotif Positif Kegembiraan

Menurut Aminnudin Saimon (2022) menerusi "Lakuan Pertuturan dalam Filem Nordin Ahmad", emotif kegembiraan ialah emosi yang digunakan untuk menunjukkan perasaan suka terhadap sesuatu. Emotif ini juga dapat dilihat melalui penggunaan kata-kata yang bersifat seronok, menang dan meriah. Seseorang yang bergembira akan kurang mengalami gangguan kestabilan badan apabila dibandingkan dengan orang yang tidak gembira. Hal ini kerana apabila seseorang berasa gembira, mereka melahirkan rasa seronok dan menggalakkan mereka bercakap mengenai sesuatu yang mereka suka atau gemar.

Ujaran yang berikut merupakan penggunaan emotif kegembiraan yang berkaitan dengan berita PRU15.

Jadual 4 Emotif Positif Kegembiraan.

Emotif	Ayat/Ujaran	Data
Gembira	"Ketika ini, saya tak rasa nak mengalah walaupun sebagai calon bebas, saya tengah seronok berkempen bertemu masyarakat.	D3
	Pengerusi UMNO Johor itu, ternyata gembira dengan sambutan masyarakat di Simpang Renggam.	D6
	Rata-rata rakyat Malaysia di luar negara menzahirkan keterujaan apabila pertama kali mengundi secara pos pada PRU15.	D7

Berdasarkan Jadual 4, kajian ini mendapati bahawa D3, D6 dan D7 menunjukkan ekspresi gembira terhadap suasana PRU15. Hal ini dapat dilihat pada D3, "Saya tengah seronok berkempen" jelas menunjukkan penutur menterjemahkan kegembiraannya dalam melaksanakan sesuatu yang disukai dan selesa. D6 pula memperlihatkan emotif gembira yang dirasakan oleh pengerusi UMNO Johor terhadap sambutan masyarakat di Simpang Renggam.

Bagi D7, walaupun perkataan "keterujaan" tidak digambarkan secara jelas menunjukkan perasaan gembira, namun perkataan tersebut memberikan makna implisit tidak sabar dan perasaan gembira secara membuak-buak. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa emotif kegembiraan juga boleh diekspresi dengan kata-kata emotif seperti seronok, teruja, meriah, tahniah dan sebagainya.

Emotif Positif Ucapan Selamat

Abd Ganing Laenggang et al. (2019) menerusi "Lakuan Bahasa Ekspresi Tun. Dr. Mahathir: Kajian Kes Terhadap 40 Artikel Chede" menyatakan bahawa ucapan selamat ialah ucapan harapan dan doa, iaitu dengan mengharapkan kebaikan serta dijauhi daripada segala bentuk gangguan. Selain itu, ucapan harapan digunakan agar apa-apa yang dihajati akan tercapai.

Jadual 5 Emotif Positif Ucapan Selamat.

Emotif	Ayat/Ujaran	Data
Ucapan Selamat	KKM mengambil pendekatan cermat dan selamat berhubung pelaksanaan PRU15.	D8
	Selamat datang pengundi-pengundi baharu yang bakal mengundi pada PRU15, sekali gus mewarnai sistem demokrasi negara.	D9

Jadual 5 menunjukkan penggunaan ucapan selamat yang digunakan dalam konteks berbeza dalam berita PRU15. Dalam ayat D8, perkataan selamat digunakan sebagai peringatan atau tindakan awal berjaga-jaga bagi memastikan keselamatan sentiasa dipatuhi, iaitu melalui ayat, "KKM mengambil pendekatan cermat dan selamat berhubung pelaksanaan PRU15".

Konteks ucapan selamat dalam D8 lebih memerihalkan status keselamatan sesebuah situasi. Bagi ayat D9 pula, kata selamat bertindak sebagai ucapan alu-aluan kepada tetamu atau pengundi baharu. Mudahnya konteks selamat dalam D9 memperlihatkan ucap selamat sebagai meraikan kedatangan seseorang. Oleh itu, emotif ucap selamat dapat dizahirkan secara jelas, namun membawa maksud yang berbeza mengikut konteks ayat.

Emotif Negatif

Menurut Martin, J. R. dan White, P. R. R., (2005), bahasa emotif negatif direalisasikan dengan perkataan atau frasa yang boleh mencetuskan emosi negatif pendengar atau

pembaca. Terdapat juga beberapa perkataan khusus yang dapat menimbulkan perasaan negatif terhadap perkara yang diterangkan apabila diujarkan konotasi negatif ini yang seterusnya dapat mewujudkan emosi negatif pembaca seperti sedih, kecewa, marah, sesal dan sebagainya.

Jadual 6 Jumlah Keperapan Kata Emotif Negatif dalam Akhbar *Sinar Harian* Sepanjang PRU15

Emotif	Jenis	Keperapan
Negatif	Kesedihan	6
	Persengketaan	4
	Igauan ngeri	2
	Hasutan	2
	Enggan	1
	Kegagalan	13
	Kemarahan	3
	Desakan	2
	Bantahan	1
	Penipuan	2
	Sombong	5
	Khianat	4
	Ugutan	4
	Dendam	1
	Penyesalan	1
	Kelemahan	1
	Kerisauan	1
Hairan	1	
Kekacauan	1	
Jumlah	65	

Jadual 6 memperlihatkan beberapa lakukan emotif negatif. Lakuan kegagalan dilihat mendominasi kekerapan, iaitu sebanyak 13 kekerapan, diikuti oleh lakukan kesedihan dengan enam kekerapan dan sombong pula sebanyak lima kekerapan. Seterusnya ialah lakukan pergaduhan, khianat dan ugutan yang masing-masing mencatatkan sebanyak empat kekerapan. Lakuan kemarahan ialah sebanyak tiga kekerapan. Kemudian, lakukan igauan ngeri, hasutan, desakan dan penipuan sebanyak dua kekerapan. Kekerapan yang paling kurang dicatatkan ialah lakukan enggan, bantahan, dendam, kelemahan, kerisauan, penyesalan, hairan dan kekacauan, iaitu masing-masing dengan satu kekerapan.

Emotif Negatif Kemarahan

Emotif kemarahan menurut Nurul Norasuwat Rosli dan Nordiana Hamzah (2020) dalam "Analisis Emosi Marah Pemimpin Melayu Dahulu dalam Hikayat Raja Pasai" merupakan satu daripada perasaan yang timbul apabila manusia tidak puas hati terhadap sesuatu perkara. Sementara itu, menerusi "Kategorisasi Emosi Tokoh Utama 'Nicky' dalam Winter Dreams, Karya Maggie

Tiojakin: Kajian Psikologi Sastra”, Rahmah Purwahida dan Risya Shabrina (2020) menyatakan bahawa emosi marah pada awalnya bermula daripada ketegangan atau kekesalan tetapi apabila terlalu berlanjutan akan menyebabkan kemarahan.

Jadual 7 Emotif Negatif Kemarahan.

Emotif	Ayat/Ujaran	Data
Kemarahan	Semua penyokong parti bertanding diingatkan agar dapat mengawal kemarahan dan sabar sepanjang tempoh PRU15	D10
	“Saya dapat maklum balas daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bahawa ramai anggota kita yang marah dengan dakwaan itu”	D11

Berdasarkan Jadual 7, emotif kemarahan yang digunakan dalam berita PRU15 diekspresi dengan jelas menggunakan perkataan seperti marah. D22 dan D11 menunjukkan emotif marah secara jelas yang dipamerkan oleh penyokong parti dan ATM.

Emotif Negatif Kesedihan

Emotif kesedihan menurut Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof (2019) dalam “Lakuan Bahasa dalam Ceramah Agama” pula merupakan ekspresif yang mengungkapkan perasaan sedih terhadap sesuatu musibah yang berlaku. Emotif ini juga diujarkan yang bertujuan berasa simpati terhadap situasi buruk yang menimpa orang lain.

Jadual 8 Emotif Negatif Kesedihan.

Emotif	Ayat/Ujaran	Data
Kesedihan	Seri Paduka Baginda menzahirkan rasa kecewa dengan perkembangan politik semasa.	D12
	PAS merakamkan ucapan takziah kepada keluarga calon Perikatan Nasional (PN) di kawasan DUN Tioman yang meninggal dunia awal pagi tadi.	D13

Jadual 8, D12 dan D13 menterjemahkan perasaan sedih sepanjang tempoh PRU15 berlangsung. Ayat dalam D12 menterjemahkan perasaan sedih Seri Paduka Baginda terhadap situasi politik semasa dengan penggunaan kata kecewa. D13 pula, ucapan takziah digunakan bagi menzahirkan rasa simpati dan turut berduka terhadap kematian calon Perikatan Nasional. Oleh itu, emotif kesedihan boleh diekspresi dengan menggunakan kata-kata seperti kecewa, sedih, sendu, hambar dan takziah.

Emotif Negatif Persengketaan

Emotif pergaduhan dalam kajian ini dapat dikenal pasti sebanyak empat kali kekerapan. Hal ini kerana PRU

terkenal dengan perang saraf yang berlaku antara calon parti yang bertanding dan pengundi. Oleh itu, emotif pergaduhan dalam kajian ini dikenal pasti melalui perkataan seperti ketidakpuasan hati, persengketaan dan permusuhan.

Jadual 9 Emotif Negatif Persengketaan.

Emotif	Ayat/Ujaran	Data
Sengketa	Ketidakpuasan hati calon PH kerusi Parlimen Padang Serai tidak menjejaskan undi bagi gabungan itu.	D14
	“Sebab kita tahu bahawa persengketaan UMNO dalam kalangan panglima besar dan tabiat sabotaj yang kian lama berlaku terutama di akar umbi”.	D15
	PKR memberi jaminan bahawa tidak mengizinkan sikap permusuhan dan kebencian sesama kaum.	D16

Berdasarkan Jadual 9, emotif negatif pergaduhan dapat dikenal pasti dalam berita yang berkaitan dengan PRU15. Berdasarkan data D16, D29 dan D21 menterjemahkan emosi yang berbaur sindiran, persengketaan dan perbalahan. Ayat D16 menjelaskan pergaduhan yang terjadi terhadap calon Parlimen Padang Serai yang menyebabkan beliau berasa tidak puas hati terhadap undi gabungan tersebut.

Emotif marah yang terdapat dalam D20 dan D21 pula menggambarkan perasaan penutur dengan menggunakan perkataan seperti persengketaan dan permusuhan dengan lebih jelas kepada pembaca. Oleh itu, emotif negatif pergaduhan dapat diwujudkan dengan penggunaan kata seperti tidak puas hati, persengketaan, permusuhan atau perbalahan.

Daripada dapatan yang diperoleh, data menunjukkan emotif positif dan negatif diekspresikan penutur dalam PRU15. Jika diperhatikan, emotif negatif lebih dominan jika dibandingkan dengan emotif positif. Hal ini jelas menunjukkan bahawa dalam sesuatu situasi yang genting, kekuasaan, dan pertandingan, emotif negatif akan sentiasa digunakan dalam mengeksploitasi emosi pendengar dan pemikiran.

Jika diperhatikan, leksikal seperti kebencian, kemarahan, ketidakpuasan hati merupakan leksikal emotif negatif yang digunakan bagi menunjukkan emosi seseorang. Dengan penggunaan leksikal emotif negatif yang kerap, secara tidak langsung penutur dapat meraih simpati, mengubah emosi dan pemikiran pendengar melalui leksikal negatif yang digunakan. Pengeksploitasian ini jelas sekali digunakan dalam kempen PRU15 yang memperlihatkan leksikal emotif negatif kegagalan paling kerap digunakan.

Justeru, penggunaan kata emotif sememangnya banyak memberikan pengaruh kepada emosi, pemikiran dan ideologi seseorang. Penerapan kata emotif dalam ujaran merupakan satu tindakan dan kaedah yang paling berkesan dalam mengeksploitasi emosi seseorang terutamanya yang bertujuan mengubah pemikiran dan ideologi seseorang.